



## SEMINAR AKTA KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN) 2024 : IMPAK DAN IMPLIKASI TERHADAP PIHAK INDUSTRI ANJURAN JABATAN ALAM SEKITAR DENGAN KERJASAMA KELAB JABATAN ALAM SEKITAR PULAU PINANG (KASPEN)

15 Januari 2025, Kepala Batas - Seminar Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024 : Impak dan Implikasi Terhadap Pihak Industri telah diadakan di Bertam Resort Pulau Pinang pada 15 Januari 2025 dengan kehadiran seramai lebih kurang 500 orang peserta. Para peserta terdiri daripada wakil premis-premis industri dan bukan industri dari negeri Pulau Pinang dan juga negeri-negeri berhampiran.

Seminar ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Tuan Norazizi Bin Adinan, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang.

Majlis dimulakan dengan ucap-tama perasmian oleh Pengarah JAS Pulau Pinang. Tuan Pengarah juga melawat 10 reruai pameran oleh juruperunding, premis yang ditetapkan buangan terjadual dan pembekal teknologi yang turut serta dalam seminar ini.

Antara pengisian seminar adalah seperti berikut:-

- Ceramah mengenai pindaan terhadap AKAS 1974 yang telah dikuatkuasakan pada 7 Julai 2024 yang lalu beserta dengan penerangan berkenaan impak dan implikasi undang-undang kepada peserta seminar.
- Ceramah mengenai kursus-kursus kompetensi yang diwajibkan kepada pihak industri dan penerangan berkenaan kursus serta bagaimana cara pengumpulan CPD Hours kepada peserta seminar.
- Ceramah berkenaan Pemantauan Prestasi bagi Sistem Kawalan Pencemaran Udara.
- Ceramah berkenaan Pemantauan Prestasi bagi Sistem Pengolahan Efluen Perindustrian.
- Kaunter e-platform Electronic Scheduled Waste Information System (e-SWIS).

Dengan penganjuran seminar ini, diharapkan semua pihak dapat memahami implikasi yang akan dikenakan kepada mereka sekiranya terdapat ketidakpatuhan yang dikesan oleh JAS di premis-premis mereka.

#NRES

#jabatanalamsekitar

#jaspulaupinang

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaspp\_jan2025

